

25/02/2003

Suara keamanan gegar Bukit Jalil

Suzan Ahmad

JIKA laungan lebih 250,000 rakyat Malaysia masih belum cukup untuk menyatakan rasa benci dan jeliknya mereka terhadap peperangan dan kekejaman mungkin lebih dua juta tandatangan dapat menerangkan dengan tegas betapa seriusnya pendirian mereka.

Itulah hakikatnya dan yang pasti ketika berkampung di Stadium Nasional Bukit Jalil malam Ahad kelmarin, tujuan mereka bukanlah semata-mata untuk

menyaksikan persembahan artis popular tanah air tetapi lebih kepada menunjukkan sokongan padu bagi menyertai Perhimpunan Keamanan Rakyat sempena Kempen Sejuta Tandatangan Aman Malaysia.

Persembahan Siti Nurhaliza nyata bukan tumpuan malam itu, sebaliknya penyerahan dua juta tandatangan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang disaksikan barisan pemimpin utama negara.

Kita tidak menafikan kehadiran artis terkemuka tanah air punya misi tersendiri. Persembahan barisan warga kerja dan personaliti TV3 misalnya kreatif dan menghiburkan.

Selain nyanyian lagu beramai-ramai seperti Seroja, Greatest Love Of All

dan We Are The World, pengunjung berpeluang menyaksikan luahan hati mereka

dalam bentuk penyampaian sajak dan tarian oleh Mohamad Aziz, Khalid Ahmad

dan Sharifah Shawati.

Hati pengunjung turut tersentuh dengan penampilan 20 kanak-kanak dari Iraq yang turut serta berkongsi isi hati dan kisah hidup mereka dalam karangan ringkas mengenai penindasan dan kekejaman yang pernah mereka lalui.

Pasangan suami isteri yang sering menonjolkan imej mesra dan kasih sayang, Nurul dan Ajai tidak ketinggalan menghibur sambil menyampaikan mesej ringkas protes mereka terhadap peperangan ke atas Iraq.

Ezlynn, artis baru KRU Records memukau dengan persembahan bertenaga dengan lagu yang semakin menambat hati, Hi Hi Bye Bye. Siti Sarah juga tidak kurang hebatnya.

Zainal Abidin dan Shades yang sudah lama tidak muncul turut serta menunai tanggung jawab sosial mereka. Selain itu, artis yang turut beraksi

ialah Haizi, Fazley dengan Carillo, Ella (In The Eyes Of The World), Ning

Baizura (Kembali), Hattan (Keranamu Palestin), Phyne Ballerz (Monte Carlo)

dan Ferhad (Pernah).

Ramai pengunjung terpaksa berundur diri lebih awal kerana Siti Nurhaliza

yang membawakan lagu baru Oda Bumi Anbia hanya muncul sekitar jam 12.30 malam. Tetapi yang pasti pengisian malam itu tidak kosong, sekurang-kurangnya pengunjung pulang dengan sesuatu untuk difikirkan bersama iaitu

Peace Not War.

